

## **Kisah Perjalanan Yang Bernoktah**

**Editor:**

Isredza Rahmi A Hamid<sup>1</sup>, Masitah Ahmad<sup>2</sup>, Zuraini Ramli<sup>3</sup>

**Emel:**

rahmi@uthm.edu.my<sup>1</sup>

**Abstrak:** Buku ini merangkumi 12 buah tulisan, dihasilkan oleh 12 orang penulis yang telah melalui sebuah perjalanan untuk mendapatkan segulung ijazah Doktor Falsafah. Buku ini bukanlah sebuah buku biasa yang menceritakan perjalanan yang sama. Malah, penulis-penulis yang menghasilkan penulisan dalam naskhah ini juga bukan siapa-siapa dan bukanlah penulis yang hebat. Walaupun begitu, garapan dalam naskhah ini adalah karya asli yang lahir daripada hati sanubari setiap penulis. Kisah-kisah dalam buku ini adalah kisah sebenar yang dialami penulis dengan cerita dan pengalaman yang pelbagai semasa menyelesaikan pengajian. Melalui Kisah Perjalanan yang Bernoktah ini, pembaca dihidangkan dengan suka duka, keringat, nikmat, keluhan, kesyukuran dan air mata yang dilalui untuk sampai ke garisan penamat. Naskhah ini persis sebuah manual atau panduan yang dihadapi oleh setiap penulis yang mempunyai cita-cita dan tanggungjawab serta amanah untuk diselesaikan. Selain itu, buku ini juga diharapkan menjadi rujukan kepada mereka yang ingin membakar semangat dalam memulakan perjalanan untuk mendapatkan ijazah. Pengajaran utama yang dipaparkan dalam buku ini adalah setiap yang bermula pasti akan ada penghujungnya. Diharapkan naskhah ini dapat memberikan pedoman dan inspirasi kepada para pembaca yang akan menempuh perjalanan yang sama. Semoga setiap perjalanan anda juga akan berakhir dengan sebuah kejayaan luar biasa di penghujungnya.

**Kata kunci:** Pengalaman, inspirasi, perjalanan, kejayaan



# Kisah **PERJALANAN** yang Bernoktah

Editor

ISREDZA RAHMI A HAMID  
MASITAH AHMAD  
ZURAINI RAMLI



Penerbit  
UTHM

*Kisah*

# PERJALANAN

yang Bernoktah



# *Kisah* **PERJALANAN** *yang Bernoktah*



**Editor**

**ISREDZA RAHMI A HAMID  
MASITAH AHMAD  
ZURAINI RAMLI**



**2023**



## *Dedikasi*

Hasil nukilan ini didedikasikan buat Maha Pencipta segala yang ada di atas muka bumi ini, Dia yang Maha Esa dan Maha Satu. Tanpa ilham yang diberikan kepada kami insan yang lemah ini, pasti buku ini tidak akan terhasil. Juga ditujukan buat ahli keluarga, suami, isteri, ibu, bapa, anak-anak, adik beradik, ipar-duai serta mereka yang terlibat selaku barisan hadapan mahupun yang berada di belakang tabir dalam penghasilan buku ini. Semoga segala usaha kecil yang dihasilkan ini bermanfaat kepada semua.



© Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2023

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Editor:  
Isredza Rahim A Hamid  
Masitah Ahmad  
Zuraini Ramli

Diterbit & dicetak oleh:  
Penerbit UTHM  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor  
No. Tel: 07-453 8698 / 8529  
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>  
E-mel: [Pemasaran.uthm@gmail.com](mailto:Pemasaran.uthm@gmail.com)  
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota  
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia  
(MAPIM)





# *Isi Kandungan*

<i>Prakata</i>	<i>ix</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>xi</i>
KISAH 1 <b><i>Lingkaran Kisah Pabit Manis PhD</i></b>	1
Dr Faizah Eliza Abdul Talib	
KISAH 2 <b><i>Victory di Bumi Victoria</i></b>	7
Prof Madya Dr Hairulnizam Mahdin	
KISAH 3 <b><i>Mahalnya Sebuah PhD</i></b>	29
Ts Dr Isredza Rahmi A. Hamid	
KISAH 4 <b><i>Bahagia atau Sengsara... Keputusan di Tangan Sendiri</i></b>	53
Sr Dr Kartina Alauddin	
KISAH 5 <b><i>Secebis Rasa untukku Kongsikan</i></b>	85
Dr Kuryati Kipli	
KISAH 6 <b><i>Dendam yang Terindah</i></b>	109
Prof Madya Dr Norhayati Hussin	
KISAH 7 <b><i>Atas Niat Itu</i></b>	129
Prof Madya Dr Saidatul Akmar Ismail	
KISAH 8 <b><i>PhDku Kebahagiaanku</i></b>	145
Dr Siti Sara Ibrahim	
KISAH 9 <b><i>PhD Saya</i></b>	165
Dr Surianor Kamaralzaman	
KISAH 10 <b><i>Memilih, Dipilih atau Terpilih?</i></b>	175
Dr Zuraini Ramli	

KISAH 11	<i>Kisah Saya</i>	197
	Prof Madya Dr Masitah Ahmad	
KISAH 12	<i>Diari Kesukuran PhD</i>	215
	Prof Madya Dr Wan Satirah Wan Mohd Saman	
	<i>Biografi</i>	231



# Prakata

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah dan seribu kesyukuran dipanjangkan kepada Allah SWT yang memberi rahmat, keizinan, kekuatan, kesihatan, kelapangan dan ilham kepada kami semua dalam menyempurnakan naskhah ini.

Dalam kerjaya sebagai seorang ahli akademik, salah satu daripada keperluan yang kini menjadi keutamaan adalah memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD). Buku ini dihasilkan berdasarkan pada kepentingan untuk mendapatkan PhD, dalam situasi masih ramai ahli akademik yang tercari-cari jalan permulaan untuk memulakan perjalanan itu. Dalam masa yang sama, masih ramai yang belum berani memulakan perjalanan tersebut kerana pelbagai andaian dan persepsi. Banyak kaedah, langkah dan usaha yang telah dilakukan oleh pihak universiti dalam meningkatkan jumlah pensyarah yang menyambung pelajaran mereka ke peringkat PhD. Malahan banyak ceramah, forum, perkongsian pengalaman, temu bual serta penulisan yang diterbitkan untuk menggalakkan ahli akademik yang masih belum mempunyai Phd.

Buku Kisah Perjalanan yang Bernoktah ini merupakan satu inisiatif penulis sebagai usaha dalam memberi semangat kepada para pembaca yang akan melalui jalan yang sama. Buku ini juga merupakan bahan bacaan santai tetapi mempunyai pelbagai catatan serta pengalaman berharga penulis. Satu kepuasan kepada penulis dapat melakarkan pengalaman mereka dalam bentuk yang kreatif, mudah dan ringkas.

Menjadi harapan penulis agar pembaca naskhah ini serta ahli akademik khususnya dapat menjadikan kisah-kisah yang dikongsikan ini sebagai panduan dan semangat dalam memulakan langkah sebagai pelajar PhD. Semoga buku ini juga dapat membuka hati serta meningkatkan motivasi ahli akademik untuk meneruskan cita-cita untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Semoga buku ini juga mampu memberikan cetusan, menjadi sebab musabab untuk langkah pertama dimulakan.



Akhir kalam, sebagai Ketua Editor buku Kisah Perjalanan yang Bernoktah, saya ingin mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan buku ini. Keringat, air mata, masa dan kesabaran adalah merupakan pengorbanan besar yang telah kita semua lalui dalam menghasilkan naskhah istimewa ini.

ISREDZA RAHMI  
UTHM JOHOR

# *Penghargaan*

Idea untuk menghasilkan naskhah Kisah Perjalanan yang Bernoktah ini telah mula dibincangkan sejak empat tahun yang lalu. Cetusannya bermula apabila kami yang telah pulang dan menamatkan pengajian ini terpanggil untuk bersama-sama berkongsi kisah untuk dijadikan panduan buat insan-insan yang ingin memulakan perjalanan yang sama. Maka pada tahun 2019, selepas perbincangan bersama-sama dengan 12 orang rakan penulis, kami akhirnya mencapai kata sepakat untuk menghasilkan kisah ini.

Para penulis yang terlibat dalam penghasilan kisah ini adalah terdiri daripada Prof. Madya Dr. Masitah Ahmad, Ts. Dr. Isredza Rahmi A Hamid, Dr. Zuraini Ramli, Prof. Madya Dr. Norhayati Hussin, Prof. Madya Dr. Saidatul Akmar Ismail, Prof. Madya Dr. Hairulnizam Mahdin, Prof. Madya Dr. Wan Satirah Wan Mohd Saman, Dr. Faizah Eliza Abdul Talib, Sr. Dr. Kartina Alauddin, Dr. Kuryati Kipli, Dr. Siti Sara Ibrahim dan Dr. Surianor Kamalzaman. Penulis ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga buat Kementerian Pengajian Tinggi, UiTM, UTHM, UPSI, UNIMAS, para penyelia PhD kami dari Deakin University, Australia, Universiti Malaya, Royal Melbourne Institute of Technology (RMIT) University, Australia, dan Penerbit UTHM yang sudi menerima naskhah ini untuk diterbitkan.

Sesungguhnya naskhah ini dihasilkan berdasarkan kisah benar yang kami lalui sepanjang bermusafir dalam menuntut ilmu. Tiada yang benar melainkan semuanya benar belaka. Malahan koleksi gambar dan nama yang digunakan adalah koleksi peribadi setiap penulis serta telah mendapat kebenaran daripada setiap individu yang nama mereka digunakan dalam buku ini. Akhir kalam, terima kasih yang tidak terhingga buat semua pihak yang terlibat bersama-sama dengan kami secara langsung maupun tidak langsung dalam memastikan naskhah ini terhasil. Hanya Allah sahaja yang mampu membala segala jasa kalian.

Semoga nukilan yang biasa-biasa ini dapat memberikan manfaat serta memberikan dorongan yang baik buat insan-insan yang berniat untuk melalui fasa perjalanan sebagai graduan Doktor Falsafah serta masyarakat di luar sana yang ingin mendapatkan gambaran kehidupan sebenar pelajar PhD.

# KISAH 1

## *Lingkaran Kisah Pahit Manis PhD*



*“Dengan setiap gelaran itu, ada tanggungjawab yang perlu aku tunaikan. Gelar “DR” di depan nama, bukan lesen memberi MC, sebab bukan doktor perubatan tetapi doktor falsafah. Dengan ilmu yang ada, itu rezeki. Perlu disampaikan pula kepada orang lain, barulah dikatakan seorang itu luas pengetahuannya.”*

*Dr. Faizah Eliza Abdul Talib*

### ***\*\*Cetusan Awal\*\****

*Mimpi adalah kunci  
Untuk kita menaklukkan dunia  
Berlarilah tanpa lelah  
Sampai engkau meraihnya-Laskar Pelangi, Nidji*

Bait-bait indah *Laskar Pelangi* nyanyian Nidji memang lagu kesukaanku. Irama yang membawa aku ke suatu masa, permulaan perjalanan meraih segulung ijazah. Perjalanan untuk mencapai cita-cita seperti kusampaikan kepada arwah bapa. Bapa seorang pensyarah bahagian guru. Bunyinya begitu naif tetapi mimpi itulah membawa aku ke destinasi.

Setelah tamat ijazah sarjana muda, aku perlu berkhidmat dengan kerajaan sebagai PPPS DG3 selama tujuh tahun. Namun aku hanya bertahan selama tiga tahun sebelum mengorak langkah mengejar ‘mimpi’. Dalam tempoh tiga tahun itulah aku menyambung pengajian ke peringkat sarjana secara separuh masa.

## KISAH 2

### *Victory di Bumi Victoria*



*“Di Down Under, saya belajar bahawa bukan asal dari mana yang akan menentukan kejayaan. Usaha yang bersungguh-sungguh dengan strategi yang betul, insya-Allah akan membawa hasil.”*

***Prof Madya Dr Hairulnizam Mahdin***

Saya membuat satu kesilapan semasa pengajian sarjana muda iaitu tidak mendapat sekurang-kurangnya Kelas Kedua Tinggi. Kesilapan ini tidak dapat diundur lagi kerana di Universiti Putra Malaysia (UPM) ketika itu (kalau tidak salah saya) tiada sistem baiki gred kerana mata kredit yang pernah diambil tetap dikira dan diambil purata.

Walaupun pada tiga semester terakhir saya mendapat senarai Dekan, masih tidak mencukupi untuk menebus kesilapan pada semester dua yang mana saya hanya mendapat GPA 1.14. Pada masa itu, Kelas Kedua Tinggi adalah syarat minimum untuk memohon mana-mana biasiswa bagi melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana. Saya memohon biasiswa Tenaga Pengajar Muda (TPM) dari UiTM dan dipanggil temu duga. Setelah menunggu dari pagi hingga ke petang, permohonan saya ditolak kerana CPA tersebut.

Selepas tamat ijazah sarjana muda, saya perlu bekerja sepenuh masa untuk membantu keluarga. Ketika itu abah mula menerima kesan sakit kencing manis yang dihidapinya sekian lama dan menyebabkan abah selalu terpaksa bercuti bermiaga.

## KISAH 3

### *Mahalnya Sebuah Ph.D*



*“Kejarlah impian dan jangan berhenti bermimpi, kerana semua perkara yang berlaku di dunia ini, ada noktahnya. Percaya pada diri. Percaya pada Pencipta. Sesiapa yang berusaha, pasti akan berjaya. Itu janji Dia.”*

*Ts Dr. Isredza Rahmi A. Hamid*

#### **\*\*Mahalnya Sebuah Ph.D\*\***

Aku mulakan kisah perjalanan di jalan ilmu dengan sedikit latar belakang hidupku. Aku anak sulung daripada lima orang adik-beradik. Abah bekerja sebagai kerani dan emak seorang polis wanita. Bila sebut anak polis, mesti orang bayangkan emak garang. Emak memang tegas. Tetapi, abah yang selalu ambil berat hal berkaitan pelajaran. Saban hari, abah dan emak mengingatkan tentang kepentingan ilmu kepada kami. Abah kata, aku sebagai anak sulung kena tunjukkan contoh yang baik kepada adik-adik. Hanya ilmu yang akan menjamin masa depan. Ilmu yang boleh ubah hidup kita.

Aku boleh dikategorikan antara pelajar yang mempunyai pencapaian yang baik dengan 4A Ujian Penilaian Sekolah rendah (UPSR), 8A Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Pangkat 1 Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan 12 agregat. Namun, aku tidak pernah merasakan diri pandai, cuma bernasib baik.

Semua yang aku kecapi ini atas berkat doa emak dan abah yang tidak putus-putus mendoakan kejayaan anak-anak. Setiap kali peperiksaan, tidak kira peperiksaan besar atau di universiti, emak dan abah berpuasa sunat untuk anak-anak. Kalau aku rasa *stuck* sebelum masa

# Bahagia atau Sengsara... Keputusan di Tangan Sendiri



*“Penuhilah dada dengan ilmu penyelidikan. Kuatkan motivasi diri supaya sentiasa tabah dalam menempuh walau apapun halangan dan rintangan yang hadir sepanjang tempoh tersebut. Jangan sesekali putus asa. Tanamlah niat yang betul dan tanyalah diri sendiri, kenapa aku nak dapatkan PhD? Jawapan ada di dalam hati masing-masing.”*

**Sr Dr Kartina Alauddin**

### **\*\*Mukadimah Kehidupan\*\***

Biarlah permulaan kisah hidup saya disusun dari tempat saya membesar. Saya anak daripada pasangan yang sudah bercerai dan dijaga oleh nenek dan datuk di kampung. Hanya sekali atau dua kali setahun saya bertemu dengan mak. Ayah kandung pula tidak pasti di mana.

Alhamdullilah, dengan bantuan kewangan daripada mak dan ayah tiri, saya berjaya menghabiskan sekolah rendah, sekolah menengah, diploma dan ijazah pertama. Saya bukanlah dikategorikan sebagai pelajar yang cerdik pandai. Dari darjah satu saya dimasukkan dalam kelas paling tercorot sebab tidak pernah mengikuti mana-mana tadika dan tidak pernah kenal ABC dan 123.

Berkemungkinan saya seorang yang cepat belajar dan bersemangat untuk sentiasa berusaha. Setiap tahun saya akan meningkat naik ke kelas yang lebih baik. Sehingga darjah lima dan enam, saya berada di kelas pertama dalam sekolah. Sudah dikatakan bukan pelajar yang pandai, pastinya tiap kali peperiksaan, kedudukan saya di antara

## KISAH 5

### *Secebis Rasa untukku Kongsikan*



*"PhD adalah bagaimana anda mengharungi perjalanan PhD dan menyelesaikan masalah yang dihadapi. Itu yang meletakkan adakah seseorang itu layak menggenggam PhD. Bukan hanya melihat final outcomes. Yang pasti siapa yang pernah melaluiinya dan berjaya akan memiliki attribute tersebut."*

*Dr Kuryati Kipli*

#### ***\*\*Pesan Abah\*\****

Tanamkan dalam diri menuntut ilmu semata-mata kerana Allah, insya-Allah kita tidak rasa terbeban. Jujur saya katakan sejak kecil saya tidak pernah rasa terbeban untuk belajar kerana rasa ingin memajukan diri serta faham bahawa untuk mencapai sesuatu kita perlu ada ilmu. Ibu bapa saya juga bukan jenis yang memaksa atau meletakkan target tetapi mereka sentiasa mahu kami terus maju ke hadapan. Agar kehidupan kami lebih senang daripada mereka.

Kata-kata nasihat yang arwah ayah selalu ulang adalah "letakkanlah cita-citamu di langit nan tinggi dan bukan di atas pokok. Kerana kalau di pokok bila dijolok, jatuh ke tanah." Emak pula sentiasa mengambil berat soal pelajaran dan memastikan keperluan pembelajaran mencukupi. Beliau seorang pengurus ekonomi rumah tangga yang cemerlang. Walaupun kehidupan kami tidak senang tetapi kami tidak perlu berhutang. Makan pakai semua cukup. Emak juga tidak pernah memaksa kami untuk mencapai target beliau. Yang penting ada peningkatan. Mungkin itu juga faktor yang menyebabkan tiada rasa beban.

Satu pegangan saya daripada dulu adalah jangan menganggap orang lain sebagai saingan tetapi jadikan kejayaan mereka sebagai pedoman

## KISAH 6

### Dendam yang Terindah



*PhD pada saya bukanlah untuk mengukur kepandaian atau keintelektualan seseorang. Ianya lebih kepada menguji keazaman, kesabaran dan ketaaatan seseorang calon. Apa yang dikatakan keazaman itu ialah kita tekad untuk menghabiskan perjalanan itu meski terpaksa melalui pelbagai kesukaran.*

*Prof Madya Dr Norhayati Hussin*

#### **\*\*Hati yang Sengsara\*\***

Kisah perjalanan ini saya kongsi agar dapat menjadi inspirasi kepada orang lain terutama mereka yang mempunyai kisah yang hampir sama. Perkongsian perjalanan menuntut ilmu sebagai graduan Doktor Falsafah yang sangat panjang.

Saya mulakan kisah dengan berkongsi sedikit perjalanan hidup semasa kecil dan remaja. Saya kira kelahiran saya ke dunia dalam keadaan yang sangat istimewa. Nyawa ibu yang melahirkan saya diambil oleh Yang Maha Esa setelah tangisan pertama saya memecah suasana. Saya tidak sempat didakap dan disusui ibu sendiri. Waktu bayi dan kanak-kanak saya dibesarkan oleh atuk dan wan (nenek) di kampung. Saya mengenali arwah ibu hanya melalui cerita abah, atuk, wan dan ahli keluarga. Sejak kecil, dunia saya bersama atuk dan wan. Ketika usia setahun, abah berkahwin. Adik-beradik yang lain tinggal bersama-sama abah dan ibu baru di tempat lain. Saya pula masih tinggal bersama atuk dan wan sehingga umur enam tahun.

Apabila alam persekolahan bermula, abah mengambil saya untuk tinggal bersama mereka. Permulaan untuk menyesuaikan diri amat perit. Perasaan sedih berpisah dengan atuk dan wan tidak dapat saya

## KISAH 7

### *Atas Niat Itu*



*Perjalanan PhD ini umpama mengembara ke suatu daerah yang pada mulanya kita mengenali daerah itu melalui bacaan atau carian di internet. Biar banyak mana sekali kita tahu dan ada ilmu selok-belok daerah itu, selagi kita belum masuk, duduk, tinggal dan berasosiasi dengannya, jangan kita mendabik dada kita tahu apa rasanya. Apabila kita diam di daerah itu, hanya tafakur dan muhasabah yang mempunyai kuasa kuda untuk memacu perjalanan itu. Kekuatannya umpama beribadah seribu tahun.*

*Prof Madya Dr Saidatul Akmar Ismail*

#### ***\*\* Ujian Hati Membawaku ke Bandar Windy Welly \*\****

Inilah permulaannya. Temu duga pada tahun 2005. Soalan pertama yang saya terima daripada para panel, “kenapa anda berminat untuk menyambung pelajaran ke peringkat kedoktoran?”

Jujur saya katakan yang saya tiada niat yang konkrit untuk dijadikan sebagai jawapan. Apa yang saya terfikir waktu itu hanyalah untuk melanjutkan pelajaran lagi sebagaimana yang saya telah rancang sewaktu berada di peringkat ijazah lagi. Yang saya pasti, pada waktu itu, memang saya suka belajar dan suka untuk menuntut ilmu. Namun tiada niat langsung untuk mengejar gelaran atau pangkat.

# PhDku Kebahagiaanku



*Kejayaan aku hari ini bukan kerana aku yang hebat. Tetapi kerana aku punya Allah yang hebat. Memberi kekuatan di saat diri ini ingin berundur dari dunia yang dirasakan gelap bertutup rapat. Kerana-Nya dunia kembali nampak sinar dalam perjalanan ini.*

*Dr Siti Sara Ibrahim*

### **\*\*GOT for PhD: SUSAH? BERBALOI? \*\***

*Graduate on Time (GOT).* Aku yakin semua pernah dengar. Tetapi aku yakin tidak semua bersetuju dan mahu mencapai GOT. Ada yang cakap GOT susah untuk perjalanan PhD. Ada juga yang berkata GOT tidak berbaloi sebab kononnya penyelidik tidak akan *matured* dengan ilmu yang dipelajari. Pandangan-pandangan sinis ini akan menghantui diri kita dan menjauhkan kita dari GOT.

Bagi aku, semua itu terpulang kepada diri kita. Tidak semestinya jika GOT, engkau mempunyai ilmu yang sedikit dan tidak matang. Kalau tidak GOT pun, tidak semestinya ilmu engkau matang sampai bertahun-tahun perlu diperap. Jadi, ikutlah kata hati dan kemampuan diri kerana yang pasti engkau yang perlu menghadap segala pilihan yang dibuat.

Begini jugalah aku! Oleh itu, ceritera perjalanan PhD ini aku kisahkan berkaitan susah atau senang perjalanan PhD GOT. Ramai yang melihat aku dengan kejayaan aku tanpa sebarang keluhan sama ada di depan semua orang mahupun di media sosial. Senangkah perjalanan aku? atau aku berpura-pura senang?

## KISAH 9

### *PhD Saya*



*Betapa peritnya liku-liku hidup yang terpaksa dilalui untuk mendapatkan sekeping ijazah bernama PhD. Impian ibu, suami dan anak-anak untuk melihat saya naik ke pentas sebagai graduan PhD, alhamdullilah tercapai pada tahun 2015. Ya Allah, kurniakanlah kebaikan kepada orang yang baik yang telah banyak menolongku. Aku amat berterima kasih pada keluargaku, penyelia-penyelia dan rakan-rakan seperjuangan.*

*Dr Surianor Kamaralzaman*

#### **\*\*Onak dan duri kisah PhDku \*\***

Kisah perjalanan PhD saya tidaklah sehebat rakan-rakan seperjuangan yang dapat menamatkannya pada waktu yang ditetapkan. Semoga pengalaman ini sedikit sebanyak menjadi jariah ilmu yang bermanfaat. Semoga kisah ini menjadi inspirasi buat anda yang membaca. Saya mengharap bingkisan kecil ini tidak langsung sedikit pun niat untuk menunjuk rasa riyak saya.

Sebelum meneruskan kisah perjalanan PhD saya, biarlah saya menulis latar belakang diri. Sebelum menjadi pensyarah saya bekerja di beberapa institusi kewangan. Setelah berumah tangga dan mempunyai seorang cahaya mata, saya merasa bekerja di bank tidak sesuai dengan jiwa saya. Saya keluar mencari rezeki selepas subuh dan mesti keluar sebelum pukul 7 pagi dan pulang ke rumah lewat malam.

Bayangkanlah saya menghantar bayi saya ke rumah pengasuh pada waktu pagi semasa bayi masih tidur dan mengambil bayi pada waktu malam ketika dia sudah tidur. Tiada kesempatan untuk bermain dan

# Memilih, Dipilih atau Terpilih?



Saya belajar banyak hal kehidupan dalam perjalanan PhD ini. Yang pasti, semua orang berpotensi untuk melanjutkan pengajian ke peringkat PhD. Walaupun setiap orang akan melalui pengalaman yang berbeza, tetapi yakinlah bahawa ada jalan keluar untuk setiap kesulitan dan kesusahan yang ditempuhi.

*Dr Zuraini Ramli*

### \*\*Memilih, Dipilih atau Terpilih?\*\*

“Alhamdulillah. Semuanya dengan izin Allah. Ini rezeki kurniaan Allah. Kalau ikut kemampuan diri, rasanya tidak mampu sampai ke peringkat ini. “

Itulah jawapan yang saya ucapkan saat menerima ucapan tahniah yang bertalu-talu daripada keluarga dan rakan usai menamatkan pengajian PhD. Mungkin bunyinya agak klise, tetapi setelah lima tahun berhempas pulas, itulah jawapan paling tepat boleh saya beri. Syukur tidak terhingga kerana akhirnya perjalanan ini dapat ditamatkan. Bukan dengan usaha apatah lagi upaya sendiri. Sungguh-sungguh semuanya rezeki.

Jika diberi peluang untuk mencoretkan kisah perjalanan susah senang pahit getir liku-liku turun naik menyiapkan sebuah tesis PhD, seribu satu malam mungkin tidak cukup untuk mengungkapkannya! Terlalu banyak cerita! Yang akan saya kisahkan di sini hanya sekelumit pengalaman agar dapat dikongsi serta menjadi inspirasi kepada anda yang memerlukan. Semoga dapat menjadi kisah bermanfaat kepada sesiapa yang akan memulakan langkah pertama dalam perjalanan mengejar segenggam PhD.

# *Kisah Saya*



*Saya sendiri bersyukur, kerana dengan perjalanan PhD ini juga membuatkan saya lebih dekat dengan Allah. Jauh perjalanan luas pandangan. Sesuai dengan pepatah Melayu yang menyatakan “Jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya”. Maka jangan takut untuk memulakan perjalanan pengajian PhD. Kalau kita kata kita tidak bersedia sampai bila-bila pun kita tidak akan pernah benar-benar bersedia dalam menempuh perjalanan PhD. Jadi, mulakan langkah, buka jalan dalam melalui perjalanan PhD anda sendiri bagi merasai akan nikmat sebagai musafir menuntut ilmu bersama dengan insan dan teman-teman baru yang akan anda temui.*

***Prof Madya Dr Masitah Ahmad***

### ***\*\*Kisah Saya Bermula Di Sini\*\****

Percaya atau tidak, dalam perancangan awal perjalanannya kerjaya saya sebagai seorang pensyarah yang bermula pada tahun 1998 tidak ada langsung dalam agendanya saya ingin dan perlu menyambung pengajian hingga ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Sebaliknya sejak dari saya mendapat keputusan SPM cita-cita saya hanya ingin mempunyai kelulusan hingga peringkat Ijazah Sarjana sahaja sudah cukup melayakkan untuk menjadi seorang pensyarah pada ketika itu. Walau bagaimanapun kita hanya merancang namun sebaik-baik perancang sudah semestinya Allah yang Maha Esa.

Bonus rezeki dari Allah. Itulah ayat yang selayaknya saya boleh kata bila Allah memberi peluang kepada saya untuk menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah dengan diberikan kelulusan walaupun mengambil masa lebih dari empat tahun. Saya sangat bersyukur atas peluang yang diberikan. Ada dua nama yang tidak akan saya lupakan

### *Dari Kesyukuran PhD*



*Atas nama Allah, kerana Allah, dengan dorongan kuat dari suami, aku bermula. Tiada kudrat, kecuali Allah lah yang mengurniakannya. Berbekalkan keyakinan "Jaga hak Allah, Allah jaga kamu", kumulakan perjalanan ilmu ini, demi mencari reda-Mu, demi nama agama-Mu, menjadi duta kecil agama melalui ilmu yang setitis ini.*

**Prof Madya Dr Wan Satirah Wan Mohd Saman**

#### **\*\*Syukur 1: Hadiyah Hari Lahir 2009\*\***

Pada tanggal hari lahir 5 Disember 2009, saya jejakkan kaki ke bumi Adelaide, Australia, bersama suami dan tiga orang anak. Di luar jangkaan, kedatangan saya disambut meriah oleh kawan-kawan dari Malaysia yang baru dikenali. Mereka berkumpul di sebuah rumah, masak-masak, berkenduri. Bukan hanya makanan, disediakan pula kek hari jadi. Itulah permulaan hijrah PhD yang membahagiakan.

Betul. Bahagia. Kalau ditanya fasa kehidupan mana yang paling membahagiakan dalam hidup, empat tahun tempoh PhD itulah yang paling bahagia (selain zaman kanak-kanak masa di kampung).

Terasa bagai berada di satu dunia baharu, bagaikan syurga – suasana nyaman, udara bersih, cantik, empat musim, tinggal di rumah besar dipenuhi pokok-pokok oren, epal, pear, lemon, grapefruit, lavender, rose dalam laman rumah sendiri yang subur berbuah, persekolahan anak-anak yang sangat menggembirakan, travel secara percuma keluar negara setiap tahun (atas tiket professional development fund), suasana kampus di tepi tasik indah yang memberangsangkan pembelajaran,

# *Biografi Penulis*

**Dr. Faizah Eliza Abdul Talib** B.Ed TESL, MSc. TESL, Ph.D (Language Education & Technology), adalah merupakan seorang pensyarah kanan di Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Fellow di Institut kepimpinan dan pembangunan (ILD), UiTM. Beliau memulakan kerjaya sebagai pensyarah di Universiti Teknologi MARA pada tahun 2003 dengan latihan yang meluas dalam pengajaran bahasa dan pendedahan kepada teknologi pengajaran bahasa, pengajaran bahasa bantuan komputer, dan teknologi pendidikan. Seiring dengan IR4.0, beliau melihat teknologi sebagai satu cara yang berbeza untuk pengajaran bahasa, dan begitu berminat dalam penyampaian pengajaran bahasa berdasarkan web.

**Prof Madya Dr Hairulnizam Mahdin** kini berkhidmat sebagai Timbalan Dekan Penyelidikan, Pembangunan dan Penerbitan di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Beliau berkelulusan ijazah Doktor Falsafah Teknologi Maklumat dari Deakin University, Australia dan ijazah Sarjana Sains Komputer dari Universiti Putra Malaysia. Beliau telah berkhidmat di UTHM dari tahun 2004 sehingga kini dan telah menerbitkan pelbagai penerbitan merangkumi jurnal ISI dan Scopus, kertas prosiding dan bab dalam buku.

**Ts Dr Isredza Rahmi A Hamid** merupakan pensyarah kanan di Jabatan Keselamatan Maklumat dan Teknologi Web, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Beliau mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Teknologi Maklumat daripada Deakin University, Geelong Australia. Beliau juga berkelulusan Sarjana daripada UiTM, Shah Alam Malaysia dalam bidang Teknologi Maklumat. Ts Dr Isredza Rahmi Binti A Hamid merupakan seorang Professional Teknologist yang diiktiraf oleh Lembaga Teknologist Malaysia (MBOT). Beliau mempunyai pengalaman mengajar selama hampir 18 tahun. Sejak 2011, beliau telah menulis dan menerbitkan lebih daripada 60 penerbitan (jurnal berimpak, jurnal berindeks, persidangan antarabangsa/kebangsaan dan

bab buku). Bidang penyelidikan beliau adalah Keselamatan Maklumat, Kod Hasad, Virus, Perlombongan Data dan Pengkomputeran Lembut. Beliau sedang menyelia pelajar pasca siswazah dan telah menggraduarkan seorang pelajar pasca siswazah peringkat Ijazah Kedoktoran dan seorang pelajar Sarjana pada tahun 2019.

**Sr Dr Kartina Alauddin** merupakan pensyarah kanan dalam jabatan Ukur Bahan di Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak. Beliau mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Built Environment daripada Royal Melbourne Institute of Technology (RMIT) Universiti, Melbourne, Australia. Beliau juga berkelulusan Sarjana daripada USM, Malaysia dalam bidang pengurusan projek. Sr Dr Kartina Alauddin merupakan seorang Juruukur Bahan Berdaftar sebagai Professional Juruukur Bahan. Beliau mempunyai pengalaman mengajar selama lebih 20 tahun dan telah berjaya melahirkan ramai graduan Diploma dan Ijazah Pertama Ukur Bahan. Beliau sedang menyelia 3 pelajar pasca siswazah diperingkat Ijazah Kedoktoran dan seorang peringkat sarjana. Beliau juga telah berjaya mengaduan seorang pelajar pasca siswazah peringkat sarjana pada tahun 2018.

**Dr Kuryati Kipli** menerima Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Elektronik dan Komputer dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Malaysia, pada tahun 2004, Ijazah Sarjana (Msc.) dalam Kejuruteraan Elektronik dan Komputer dari Universiti Birmingham, United Kingdom pada tahun 2007 dan Ijazah Kedoktoran (Ph.D). Kejuruteaan dari Universiti Deakin Australia pada tahun 2015. Daripada tahun 2004 hingga 2006, beliau bekerja sebagai Jurutera Process Integration di 1st Silicon (M'sia) Sdn Bhd, Samajaya Industrial Sarawak, Malaysia. Daripada tahun 2006-2007, beliau adalah Tutor di Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaysia Sarawak. 2008-2014, beliau bekerja di Jabatan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan, UNIMAS sebagai pensyarah. Beliau kini adalah pensyarah kanan di jabatan yang sama. Sejak 2008, beliau telah menulis dan menerbitkan lebih daripada 70 penerbitan (termasuk penerbitan jurnal berimpak, jurnal berindeks, kertas kerja persidangan antarabangsa/tempatan dan bab buku). Bidang penyelidikan beliau termasuk Pattern Recognition, Biomedical Image Processing dan Signal Processing.

**Profesor Madya Dr. Norhayati Hussin**, Bsc. Information Studies, Msc Information Systems, PhD (Information Management), adalah merupakan seorang Profesor Madya di Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM). Beliau memulakan kerjaya sebagai pensyarah di UiTM pada tahun 2003. Beliau mempunyai pengalaman yang meluas di dalam bidang Pengurusan Maklumat Strategik, Pengurusan Sistem Maklumat dan Pengurusan Maklumat secara atas talian. Beliau sentiasa bergiat aktif dalam bidang penulisan dan penyelidikan yang menjurus kepada keperluan maklumat di dalam organisasi, strategi mengurus maklumat, kepentingan maklumat di dalam masyarakat serta pembangunan sistem maklumat untuk keperluan industri. Selain itu beliau juga menjadi pakar rujuk dalam bidang pengurusan maklumat oleh banyak agensi kerajaan dan swasta terutama dalam pengaplikasian serta pengurusan Teknologi Maklumat di dalam organisasi.

**Profesor Madya Dr Saidatul Akmar Ismail** merupakan seorang Profesor Madya di Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Selangor, Kampus Puncak Perdana, Shah Alam. Beliau merupakan lulusan Ijazah Doktor Falsafah dalam Sistem Maklumat, Victoria University of Wellington, New Zealand. Selain daripada itu, beliau mempunyai ijazah Sarjana dalam Sains Perpustakaan dan Maklumat, dan ijazah Sarjana Muda Sains Kemanusiaan (Kepujian) Sosiologi dan Anthropologi (Kelas Kedua Teratas). Kedua-dua ijazah ini adalah daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau telah menjadi ahli seumur hidup sebagai Graduate Technologist yang diiktiraf oleh Lembaga Teknologist Malaysia (MBOT). Beliau mempunyai pengalaman mengajar selama lebih 20 tahun dan telah berjaya melahirkan ramai graduan Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di dalam Sains Kepustakawan, Perpustakaan dan Pengurusan Maklumat. Bidang penyelidikan beliau adalah Literasi Maklumat, Sumber Rujukan dan Penyelidikan dan Penilaian dan Pengukuran di perpustakaan. Beliau sedang menyelia tiga pelajar pasca siswazah di peringkat Ijazah Kedoktoran dan 1 orang di peringkat Sarjana. Beliau telah berjaya menggraduarkan seorang pelajar pasca siswazah peringkat Ijazah Kedoktoran dan dua puluh pelajar Sarjana sehingga kini tahun 2021.

**Dr Siti Sara Ibrahim** adalah pensyarah kanan di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Negeri Sembilan. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Perniagaan Antarabangsa pada tahun 2007 dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia, dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia pada tahun 2011. Beliau juga baharu sahaja menamatkan pengajian Doktor Falsafah (PhD) di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia pada tahun 2019 dan menerima anugerah Graduate on Time (GOT). Beliau memulakan kerjayanya di Institusi Kewangan pada tahun 2007 sebelum menyertai UiTM pada tahun 2011 melalui skim biasiswa pensyarah muda. Oleh kerana minatnya yang mendalam terhadap bidang penyelidikan, inovasi dan program kemasyarakatan, beliau juga aktif menyertai persidangan-persidangan kebangsaan mahupun antarabangsa bagi membentang hasil kajian beliau, pertandingan-pertandingan inovasi (IID) serta menjadi sukarelawan di beberapa Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di Malaysia, sebagai contoh; Akademi Rohingya Malaysia, Projek Empire dan projek Buku Jalanan Chow Kit. Beliau juga telah memenangi pelbagai anugerah platinum, emas dan beberapa anugerah khas dari persidangan dan pertandingan IID yang telah disertai. Dr Siti Sara Ibrahim boleh dihubungi di [saraibrahim@uitm.edu.my](mailto:saraibrahim@uitm.edu.my).

**Dr. Surianor Kamalzaman**, merupakan pensyarah kanan di Fakulti Pengurusan Perniagaan di Jabatan Ekonomi dan Kewangan. Beliau memegang Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang kewangan dari Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur. Ijazah Sarjana beliau adalah dari School of Graduate Studies dari Universiti Putra Malaysia(UPM) dan ijazah Sarjana Muda dalam bidang kewangan dari University of Wisconsin, Oshkosh, USA. Beliau juga memegang Diploma in Banking Studies dari UiTM cawangan Terengganu. Beliau berada dalam bidang akademik lebih kurang 18 tahun. Sebelum menjurus ke bidang akademik beliau telah bekerja di beberapa institusi kewangan terkemuka di Kuala Lumpur dalam beberapa jabatan. Beliau telah berjaya menggraduarkan seorang pelajar siswazah peringkat Sarjana. Beliau sedang menyelia seorang pelajar pasca siswazah di peringkat Ijazah Kedoktoran. Bidang penyelidikan beliau adalah pelaburan dan kewangan.

**Dr. Zuraini Ramli** merupakan seorang pensyarah di Jabatan Bahasa dan Kesusastraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI. Beliau memiliki Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pendidikan Kedwibahasaan daripada Deakin University, Australia. Ijazah Sarjana diperoleh daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, manakala Ijazah Sarjana muda daripada Universiti Malaya. Beliau mempunyai pengalaman mengajar di Universiti selama 24 tahun.

**Professor Madya Dr Masitah Ahmad** adalah merupakan Prof Madya di Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA, Negeri Sembilan Campus Rembau. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pengajian Maklumat (Kepujian) dalam bidang Pengurusan Sistem Maklumat pada tahun 1999 dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia, dan Sarjana Pendidikan (Msc) dalam Sumber dan Teknologi Maklumat dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia pada tahun 2003. Beliau juga telah menamatkan pengajian Doktor Falsafah (PhD) dalam Teknologi Maklumat di Deakin University, Australia pada tahun 2016 dan merupakan penerima Anugerah Akademik Universiti (AAU) UiTM bagi tahun 2019 dalam kategori penyelidik terbaik (Gugusan Perniagaan dan Pengurusan). Kerjaya beliau bermula di Kolej Kurniawan sebagai pensyarah yang mengajar pelajar di matrikulasi KPM pada tahun 1999 hingga 2001. Pada tahun 2001 melalui skim Tenaga Pengajar Muda UiTM beliau telah ditawarkan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana dan seterusnya berkhidmat dengan UiTM. Minat beliau yang amat mendalam terhadap bidang pengajaran dan pembelajaran (P&P) membuatkan beliau banyak melibatkan diri dengan penyelidikan, inovasi dan menjadi panel-panel perunding dalam masyarakat. Malah melalui penglibatan tersebut membuatkan beliau banyak memperolehi geran baik dari dalam negara maupun luar negara bagi menjalankan segala aktiviti P&P serta membentangkan segala hasil dapatan penyelidikan beliau di persidangan yang berkaitan.

**Profesor Madya Dr Wan Satirah Wan Mohd Saman** mula berkhidmat di UiTM bermula 2001. Beliau menamatkan Ph.D dalam Teknologi Maklumat di Faculty of Information Technology and Mathematical Science, di University of South Australia. Beliau memiliki double degree dalam Sarjana Muda Undang-Undang (LL.B Hons) dan Sarjana Muda Undang-Undang (LL.B (Syariah) Hons) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia serta ijazah Sarjana di Msc. Pengurusan Maklumat. Beliau adalah seorang Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan kini menjadi pensyarah kanan di UiTM Malaysia. Penulisan beliau terdiri dari lebih 80 makalah termasuk bab buku, makalah jurnal dan makalah persidangan dan lain-lain. Dia berkongsi hasil penyelidikannya dalam persidangan akademik di Amerika Syarikat, UK, China, Jerman, Itali, Turki, Belanda, Thailand, Australia, Spanyol dan lain-lain bermula dari tahun 2009. Terlibat dalam penyelidikan dalam disiplin yang pelbagai memberi peluang kepada dirinya untuk berkongsi hasil penyelidikan dengan pelbagai bidang. Minat penyelidikannya merangkumi pengurusan maklumat dan rekod undangundang, harta intelek, e-kerajaan, pelaksanaan sistem maklumat, keselamatan siber, perpustakaan undang-undang, sejarah lisan, pembelajaran sepanjang hayat dan literasi maklumat. Beliau memiliki pengalaman dalam penyelidikan di dengan jumlah geran terkumpul mencapai RM1 juta. Beliau aktif memberikan input sebagai panel jemputan ke beberapa forum dan persidangan antarabangsa, terutamanya dalam bidang pengurusan maklumat elektronik undang-undang, sejak 2015 sehingga kini. Beliau dilantik sebagai Visiting Profesor di Universitas Bravijaya pada tahun 2020 dan dijemput sebagai pengucap tama dalam persidangan antarabangsa pada 2021. Beliau terlibat sebagai sukarelawan UNICEF 2016, dan menjadi Bendahari kepada NGO Persatuan Biblioterapi Malaysia (PERBIMA) sejak 2017 hingga kini.